

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS (2016)
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA
[TASEK GELUGOR]**

SOALAN :

Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berkenaan prestasi Program Ziarah Mahabbah yang dilaksanakan.

JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah menjalankan usaha-usaha dakwah dan mendampingi masyarakat melalui Program Ziarah Mahabbah kepada semua lapisan masyarakat yang disasarkan kepada kelompok seperti berikut:

- a) masyarakat orang asli;
- b) pesakit di hospital;
- c) rumah perlindungan warga emas;

- d) Pusat Jagaan Kanak-kanak;
- e) rumah perlindungan HIV;
- f) Pusat Jagaan Orang Kurang Upaya (OKU);
- g) gelandangan;
- h) golongan mak nyah/LGBT; dan
- i) golongan asnaf /fakir miskin

Golongan tersebut memerlukan bantuan dan sokongan daripada pihak berwajib. Di peringkat negeri, Jabatan Agama Islam Negeri/ Majlis Agama Islam Negeri turut memainkan peranan dalam menjalankan program ziarah mahabbah. Selain bantuan makanan dan keperluan harian yang lain, khidmat nasihat dan kauseling juga turut diberikan kepada yang memerlukan bantuan dan sokongan. Sumbangan kewangan juga turut diberikan kepada golongan sasaran untuk membantu meringankan beban yang ditanggung seterusnya dapat mengeratkan ukhuwah antara satu sama lain.

Sekian, terima kasih.